KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	03.10.22	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JPSM			



Norizam (dua dari kanan) menyaksikan Abu Bakar menyempurnakan penanaman pokok di kawasan tasik Politeknik Merlimau.

PMM mara menghijau sebagai kampus lestari

Melaka: Politeknik Merlimau, Melaka (PMM) akan terus dihijaukan apabila sebanyak 164 batang pokok ditanam berdekatan dua tasik di dalam kampus berkenaan.

Projek itu yang dijayakan menerusi Program Penghijauan Malaysia 100 juta pokok 2021-2025 turut mendapat kerjasama antaranya daripada Majlis Perbandaran Jasin, Jabatan Pertanian Melaka juga Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad.

Pengarah PMM, Norizam Sekak, berkata menerusi program itu PMM menerima sumbangan anak pokok selain dana berkaitan. Ia dijangka mampu menjayakan agenda negara 100 juta pokok menjelang 2025.

"Program ini tidak tamat selepas pokok-pokok ditanam. Tapi kawasan ini juga berpotensi untuk dijadikan tapak kajian.

"Saya amat mengalukan universiti awam seperti Universiti Tun Hussein Onn untuk membuat kajian mengenai baja kompos, kaedah menjernihkan air, tapak solar, penternakan ikan pelbagai jenis juga boleh membuat penyelidikan berkaitan kerencaman buah-buahan tempatan," katanya dalam majlis yang dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, Datuk Wira Dr Abu Bakar Md Diah baru-baru ini.

kolah anda kepada kami menerusi
ataan beserta gambar.

BH031022_23